



SIARAN AKHBAR

BDCB MENGENDALIKAN SIRI TAKLIMAT ‘KENALI MATA WANG AWDA’

1. Brunei Darussalam Central Bank (BDCB), dengan kerjasama Bahagian Jenayah Komersil, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB), baru-baru ini telah mengendalikan siri taklimat ‘Kenali Mata Wang Awda’ kepada sekitar 170 peserta daripada agensi-agensi kerajaan; institusi-institusi kewangan termasuk bank, perniagaan menukar wang dan mengirim wang; sektor swasta; dan perniagaan runcit.
2. Taklimat ‘Kenali Mata Wang Awda’ ini antaralainnya bertujuan untuk memberi gakan, serta meningkatkan tahap kefahaman, mengenai Perintah Mata Wang, 2004, iaitu perundungan yang diperuntukkan untuk mentadbir mata wang Negara Brunei Darussalam. Selain itu, BDCB juga mengongsikan ciri-ciri keselamatan bagi denominasi-denominasi yang berbeza, serta cara-cara untuk mengenal pasti ketulenan mata wang.
3. Berikutan taklimat tersebut, pihak PPDB juga mengongsikan langkah-langkah yang perlu diambil jika individu mendapati mata wang palsu, atau mata wang yang disyaki palsu.
4. Dalam usaha untuk memastikan keyakinan orang ramai terhadap mata wang Negara Brunei Darussalam, serta menangani isu berkaitan mata wang palsu, BDCB mengendalikan pelbagai inisiatif kesedaran secara berterusan berhubungkait ciri-ciri keselamatan yang tersedia pada mata wang termasuk syiling. BDCB juga bertanggungjawab untuk memastikan mata wang dalam edaran adalah berkualiti.
5. BDCB akan terus mementingkan kestabilan kewangan Negara Brunei Darussalam dan mengutamakan perlindungan sistem kewangan dan kepentingan pengguna kewangan di Negara Brunei Darussalam. Ini adalah selaras dengan usaha berterusan BDCB untuk meningkatkan tahap celik kewangan di negara ini.
6. Mana-mana institusi yang ingin memohon program celik kewangan yang sama, atau program yang disesuaikan kepada institusi masing-masing, bolehlah menghubungi BDCB di talian 8318388, atau emel info@bdcb.gov.bn.

Brunei Darussalam Central Bank

Tarikh: 30 Ramadhan 1444H / 21 April 2023M

Rujukan: BDCB/COMMS/3